

Tiada kelulusan aktiviti di hutan simpan kekal

BH 16/12/2020 m/s 16

Kementerian tak terima permohonan melombong unsur nadir bumi

Kuala Lumpur: Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) tidak mengeluarkan sebarang kelulusan untuk aktiviti perlombongan unsur nadir bumi bukan radioaktif (NR-REE) di kawasan Hutan Simpan Kekal, kata menyerinya, Datuk Dr Shamsul Anuar Nasarah.

Beliau berkata, kelulusan di

kawasan selain daripada Hutan Simpan Kekal adalah tertakluk kepada penilaian dan kelulusan teknikal yang diperoleh terlebih dulu.

"Setakat ini, masih belum ada mana-mana pihak yang memohon dan diberikan kelulusan untuk menjalankan perlombongan NR-REE.

"Mana-mana pihak yang melakukan perlombongan tanpa kebenaran dan kelulusan akan diambil tindakan mengikut sistem perundangan sedia ada," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Jelasnya, kawalan prosedur operasi standard (SOP) dan perundangan adalah penting bagi memastikan aktiviti berkaitan

 **Mana-mana pihak yang melakukan perlombongan tanpa kebenaran dan kelulusan akan diambil tindakan mengikut sistem perundangan sedia ada.**

Shamsul Anuar Nasarah,
Menteri Tenaga dan Sumber Asli



perlombongan NR-REE tidak memberi kesan negatif terhadap kelestarian alam sekitar, keselamatan, kesihatan pekerjaan dan kesejahteraan masyarakat.

Beliau berkata, kementerian akan terus memastikan aktiviti

perlombongan diusahakan secara mampu dan perlu mematuhi SOP yang ditetapkan.

Katanya, ketika ini SOP perlombongan NR-REE dalam proses akhir untuk dimuktamadkan.

BERNAMA